

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]
TARIKH : 19.6.2014
SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar mengikut kaum yang telah mendapat pengecualian bayaran balik pembiayaan PTPTN kerana mendapat kelas pertama serta berapakah jumlah yang telah ditanggung oleh Kerajaan setakat ini dengan memberi pengecualian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2014, seramai 21,325 atau 1.4 peratus daripada keseluruhan 1,494,795 peminjam telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dan mendapat pengecualian bayaran balik melibatkan pelupusan bayaran balik sebanyak RM583.65 juta.